

14 AUG 1998

DR MAHATHIR TIBA DI KOTA KINABALU

KOTA KINABALU, 14 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini petang ini untuk lawatan kerja dua hari ke Sabah.

Ketibaan Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dari Labuan disambut Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok, Timbalan Ketua Menteri dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Datuk Osu Sukam dan anggota kabinet negeri.

Yang turut berada di terminal dua Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Tan Sri Khalil Datu Jamalul, ketua-ketua jabatan persekutuan dan negeri serta pemimpin-pemimpin negeri.

Sejurus selepas ketibaan, Dr Mahathir ke Grand Ballroom, Pan Pacific Sutera, dekat sini, bagi merasmikan kongres keempat Parti Demokratik Sabah (PDS).

Pada malam ini, beliau dijadual menghadiri majlis makan malam di bangunan Dewan Undangan Negeri.

Esok, Perdana Menteri akan menghadiri perjumpaan dengan rakyat di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Likas pada sebelah pagi sebelum merasmikan Kongres Parti Demokratik Liberal (LDP) di Taman Tun Fuad.

Beliau akan kembali ke ibu negara pada sebelah petang.

-- BERNAMA

NT NMO